



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGETAHUAN, SOKONGAN DAN KELENGKAPAN, SERTA AMALAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DI SEKOLAH RENDAH

CHE WAN SAKILAH BINTI CHE WAN AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH

(MOD KERJA KURSUS)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...15...(hari bulan) JANUARI (bulan) 20.18....

i. Perakuan pelajar :

Saya, CHE WAN SAKILAH BINTI CHE WAN AHMAD, M20152001928, FPPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGETAHUAN, SOKONGAN DAN KELENGKAPAN, SERTA AMALAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DI SEKOLAH RENDAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR MOHD HAFIZ BIN MD HANIF (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGETAHUAN, SOKONGAN DAN KELENGKAPAN SERTA AMALAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DI SEKOLAH RENDAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN SEKOLAH PENDAH (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15/01/2018

Tarikh

Tandatangan Penyelia



05-4506832



pustaka.upsitbainun



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
جامعة السلطان عبد الجليل شاه
Kampus Sultan Azlan Shah



PustakaTBainun

UPSI/IPS-3/BO 31

Pind.: 00 m/s: 1/1



ptbupsitbainun

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PENGETAHUAN, SOKONGAN DAN KELENGKAPAN SERTA AMALAN
PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DI SEKOLAH RENDAH

No. Matrik / Matric's No.:

M20152001928

Saya / I :

CHE WAN SAKILAH BINTI CHE WAN AHMAD

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 15/01/2018

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Mond Hanif Md. Hanif (Ph.D)
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pendidikan & Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Kampus Sultan Azlan Shah Proton City
38900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan



Mond Hanif Md. Hanif (Ph.D)
Penyelia
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pendidikan & Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Kampus Sultan Azlan Shah Proton City
38900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan
Mond.Hanif@upsi.edu.my
www.drhafizhanif.my/bupsi

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdullillah, dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. pesuruh Allah yang amat dikasihi-Nya.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada penyelia kajian, Dr Mohd Hafiz Bin Mohd Hanif yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Segala ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan amatlah berharga. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah UPSI yang menjadi tenaga pengajar yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada ayahanda (En. Che Wan Ahmad Bin Che Wan Bakar) dan bonda (Pn. Zailani Binti Mohammad) yang tidak jemu-jemu memberi sokongan, dorongan dan bantuan dalam memastikan cita-cita saya ini tercapai. Ucapan terima kasih juga kepada seluruh ahli keluarga yang tercinta diatas segala jasa dan pengorbanan yang dicurahkan.

Saya juga ingin berterima kasih kepada pegawai PPD yang banyak memberikan informasi berkaitan sekolah rendah di Daerah Hulu Terengganu. Seterusnya, ucapan terima kasih kepada pihak pentadbir dan guru sekolah rendah Daerah Hulu Terengganu yang terlibat dalam kajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang telah sama-sama mengharungi segala suka duka sepanjang proses pembelajaran di UPSI.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah**ABSTRAK**

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di Daerah Hulu Terengganu. Elemen yang dikaji adalah pengetahuan, kelengkapan dan sokongan, serta amalan guru sekolah rendah terhadap pelaksanaan PBS. Seramai 100 orang guru telah dijadikan sampel. Kajian ini telah dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data telah dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferensi, menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru terhadap PBS berada pada tahap yang tinggi ($\text{min} = 4.29$), manakala tahap kelengkapan dan sokongan berada pada tahap yang sederhana ($\text{min} = 2.94$) serta tahap amalan PBS berada pada tahap yang tinggi ($\text{min} = 4.23$). Kajian juga mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara kelayakan akademik dengan amalan PBS ($p = 0.156$). Akan tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan amalan PBS ($p = 0.000$). Terdapat hubungan yang signifikan yang sederhana antara tahap pengetahuan dengan amalan PBS ($r = 0.623$) dan terdapat hubungan yang signifikan yang rendah antara tahap kelengkapan dan sokongan yang disediakan oleh pihak sekolah terhadap amalan PBS ($r = 0.360$). Di sini dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan dan amalan para guru di sekolah adalah pada tahap yang tinggi, akan tetapi tahap sokongan dan kelengkapan masih berada pada tahap yang rendah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the implementation of School-Based Assessment (SBA) among selected primary school teachers in Hulu Terengganu District. Elements studied are knowledge, equipment and support, as well as the SBA practice of primary school teachers. A total of 100 teachers were sampled for this study through survey responses, using questionnaire as the instrument of study. The data for this study were analyzed using descriptive and inferential statistical analysis using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software. The findings show that the level of knowledge of teachers towards SBA practice is high (mean = 4.29), while the level of equipment and support is moderate (mean = 4.23). The level of SBA practice was found to be at a high level (mean = 4.23). The findings also show that there was no significant difference between academic qualification and SBA practice ($p=0.156$), but there is a significant difference between teaching experience and SBA practice ($p=0.000$). There is a moderate significant relationship between knowledge level and SBA practice ($r=0.623$) and there is a low significant relationship between the level of equipment and support provided by the school towards SBA practice ($r=0.360$). It can be concluded that the level of knowledge and SBA practice among teachers in primary school is relatively high, even though the level of support and equipment is still low.

KANDUNGAN**Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN	ii
BORANG PENYERAHAN LAPORAN KERTAS PROJEK	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 – PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kerangka Kajian	12
1.8 Skop Kajian	13
1.9 Kepentingan Kajian	13



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.9.1 Kementerian Pelajaran Malaysia	13
1.9.2 Pihak Pentadbir	14
1.9.3 Guru-guru	14
1.10 Batasan Kajian	15
1.11 Definisi Istilah	15
1.11.1 Pentaksiran	15
1.11.2 Pentaksiran Berasaskan Sekolah	17
1.11.3 Lembaga Peperiksaan Malaysia	18
1.11.4 Pengetahuan	18
1.11.5 Sokongan	19
1.11.6 Kelengkapan	20
1.11.7 Amalan	20
1.11.8 Guru	21
1.12 Rumusan	21
BAB 2 – KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	22
2.2 Kebaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	24
2.3 Kelemahan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	26
2.4 Kajian-kajian Lepas	28
2.5 Rumusan	37



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	38
3.2 Reka Bentuk Kajian	39
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	40
3.4 Instrumen Kajian	41
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	42
3.5.1 Kesahan Instrumen Kajian	42
3.5.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	43
3.6 Prosedur Kajian	47
3.7 Kaedah Analisis Data	47
3.7.1 Statistik Deskriptif	49
3.7.2 Statistik Inferensi	50



05-4506832



3.8 Rumusan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 4 - DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	52
4.2 Analisis Data Demografi	52
4.2.1 Taburan responden mengikut sekolah	53
4.2.2 Taburan responden mengikut jantina	54
4.2.3 Taburan responden mengikut bangsa	55
4.2.4 Taburan responden mengikut agama	55
4.2.5 Taburan responden mengikut kelayakan akademik	56
4.2.6 Taburan responden mengikut pengamalan mengajar	57



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



4.3 Analisis Dapatan Statistik Deskriptif

4.3.1 Apakah tahap pengetahuan guru sekolah rendah terhadap PBS?	58
4.3.2 Apakah tahap sokongan dan kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah untuk menjalankan PBS?	60
4.3.3 Apakah tahap amalan guru sekolah rendah dalam pelaksanaan PBS?	62
4.4 Analisis Dapatan Statistik Inferensi	64
4.4.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan PBS berdasarkan kelayakan akademik?	64
4.4.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan PBS berdasarkan pengalaman mengajar?	66
4.4.3 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru dengan tahap amalan PBS?	68
4.4.4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sokongan dan kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah dengan tahap amalan PBS?	69
4.5 Rumusan	70



BAB 5 – PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	71
5.2 Perbincangan	72
5.2.1 Tahap Pengetahuan Guru Terhadap PBS	72
5.2.2 Tahap Sokongan Dan Kelengkapan Untuk Pelaksanaan PBS	73
5.2.3 Tahap Amalan Guru Tehadap PBS	74
5.2.4 Perbezaan dalam tahap amalan PBS berdasarkan kelayakan akademik	75
5.2.5 Perbezaan dalam tahap amalan PBS berdasarkan pengalaman mengajar	75



PBS	
5.2.6 Hubungan diantara tahap pengetahuan dengan tahap amalan PBS	77
5.2.7 Hubungan antara tahap sokongan dan kelengkapan dengan tahap amalan PBS	78
5.3 Implikasi	79
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	80
5.5 Kesimpulan	81
 RUJUKAN	 83
 LAMPIRAN	 95
LAMPIRAN A	96
LAMPIRAN B	97
LAMPIRAN C	98

SENARAI JADUAL

NO.	TAJUK	MUKA
JADUAL		SURAT
3.1	Jumlah skor indeks koefisien kebolehpercayaan Alfa Cronbach	45
3.2	Analisis statistik mengikut soalan kajian	48
3.3	Jadual nilai min mengikut skor dan interpretasi	50
3.4	Jadual nilai pekali mengikut skor dan interpretasi	51
4.1	Taburan responden mengikut sekolah	53
4.2	Taburan responden mengikut jantina	54
4.3	Taburan responden mengikut bangsa	55
4.4	Taburan responden mengikut agama	55
4.5	Taburan responden mengikut kelayakan akademik	56
4.6	Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	57
4.7	Tahap pengetahuan	59
4.8	Tahap sokongan dan kelengkapan	61
4.9	Tahap amalan	63
4.10	Nilai min dan sisihan piawai kelayakan akademik	65
4.11	Keputusan ANOVA sehala bagi amalan PBS berdasarkan kelayakan akademik	65
4.12	Nilai min dan sisihan piawai pengalaman mengajar	66
4.13	Keputusan Anova sehala bagi amalan PBS berdasarkan pengalaman mengajar	67
4.14	Keputusan perbandingan <i>post-hoc</i> menggunakan ujian <i>scheffe</i> bagi amalan PBS berdasarkan pengalaman mengajar	67

4.15	Keputusan ujian korelasi diantara tahap pengetahuan dengan tahap amalan PBS	68
4.16	Keputusan ujian korelasi diantara tahap sokongan dengan tahap amalan PBS	69



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka kajian pelaksanaan PBS dalam kalangan guru sekolah rendah di Daerah Hulu Terengganu	12
4.1	Peratusan responden mengikut jantina	54
4.2	Peratusan responden mengikut kelayakan akademik	56
4.3	Peratusan responden mengikut pengalaman mengajar	57



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
ICT	<i>Information, Communication and Technology</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PP	Pentaksiran Pusat
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPSi	Pentaksiran Psikometrik
PS	Pentaksiran Sekolah
PT3	Penilaian Tingkatan 3
RMK9	Rancangan Malaysia Ke-9
SBA	<i>School-Based Assessment</i>
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Kesahan Instrumen Kajian
- C Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Teras misi nasional yang telah digubal Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9), menetapkan beberapa matlamat bagi meningkatkan mutu pendidikan negara. Antaranya adalah meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Peranan guru bagi mendidik murid dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sangat dititikberatkan terutamanya dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Usaha kerajaan bagi meningkatkan mutu pendidikan di peringkat global melalui pelaksanaan RMK9 serta hasil penelitian terhadap Falsafah Pendidikan Negara, dapat dilihat dengan jelas bahawa penekanan telah diberikan dalam mewujudkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) seterusnya memastikan misi nasional dapat direalisasikan. Sehubungan dengan itu, potensi murid dapat dilihat bukan sahaja didalam bidang akademik malahan kebolehan serta penampilan diri murid juga dapat dilihat seterusnya menghasilkan kemenjadian murid yang memenuhi kehendak pembangunan negara juga dapat dicapai.

Menerusi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), penekanan kepada peperiksaan dilihat lebih diberi keutamaan menyebabkan proses PdPc lebih menjurus kepada penyediaan murid untuk boleh menjawab soalan peperiksaan semata-mata. Oleh yang demikian, sistem pentaksiran yang sedia ada ini hanya menekankan aspek intelektual dan mengabaikan penilaian pertumbuhan dan perkembangan potensi-potensi lain yang ada pada murid.

Oleh itu, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah mengenal pasti kelemahan sistem pentaksiran yang sedia ada dan telah memperkenalkan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) dalam usaha penambahbaikan sistem pentaksiran pendidikan di Malaysia. SPPK merupakan hasil gabungan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dengan pentaksiran peperiksaan pusat. Sistem pentaksiran ini bersifat lebih holistik kerana mentaksir murid dari segi akademik dan bukan akademik selaras dengan Falsafah Pendidikan Malaysia.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
 Sehubungan itu, pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilaksanakan (KPM 2012). Kurikulum tersebut telah mengguna pakai PBS bagi tujuan mentaksir pembelajaran murid. Program PBS juga merupakan satu sistem pentaksiran alternatif kerajaan dalam usaha menjadikan persekolahan negara tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2012) lebih memberi fokus kepada pemantapan sistem pentaksiran pada masa kini supaya lebih holistik dan autentik.

Sistem penilaian PBS mampu memberikan maklumat berkenaan prestasi murid secara menyeluruh dari segi pengetahuan, kemahiran serta pengalaman nilai murni murid secara berterusan. Penilaian PBS terdiri daripada empat komponen iaitu Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPsi). Keempat-
 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
 empat komponen ini diberikan kepercayaan dan kuasa autonomi kepada guru untuk menjalankan aktiviti pentaksiran.

Aktiviti pentaksiran dijalankan dalam bentuk formatif dan sumatif. Dalam kaedah formatif, murid akan dinilai secara berterusan di mana guru akan memberikan set latihan atau soalan kepada murid selepas proses PdPc dijalankan setiap hari di dalam kelas. Manakala melalui kaedah sumatif pula, murid akan dinilai di akhir unit pembelajaran, semester atau tahun. Setiap langkah dan prosedur penilaian PBS dilaksanakan sepenuhnya oleh guru dan pihak sekolah meliputi aspek perancangan, pembinaan item, instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan, perekodan dan pelaporannya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia yang lebih menekankan pencapaian akademik telah menggunakan peperiksaan atau ujian bertulis sebagai instrumen utama dalam proses pentaksiran tradisional. Sesuatu peperiksaan kebiasaannya mengandungi beberapa siri ujian yang terancang untuk menguji keberkesanan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Peperiksaan hanya sesuai digunakan untuk mentaksir domain kognitif sahaja iaitu kebolehan intelektual seseorang. Oleh yang demikian, proses pentaksiran tradisional ini tidak bersifat menyeluruh kerana domain afektif dan domain psikomotor kurang sesuai ditaksir menggunakan kaedah peperiksaan.

Kalam (2011), menyatakan bahawa peperiksaan bersifat tidak lengkap kerana tidak mampu memberikan maklumat yang lebih holistik berkaitan dengan perkembangan dan peningkatan potensi murid. Menurut Moore (2003) pula, pentaksiran tradisional juga gagal akibat tidak mengambil kira tentang pencapaian secara holistik dan bagaimana murid berupaya bekerja secara berkumpulan. Kebiasaannya, kaedah peperiksaan memerlukan murid memilih jawapan yang telah disediakan seperti yang lazimnya didapati pada soalan berbentuk aneka pilihan. Kaedah ini sangat berbeza dengan PBS yang memerlukan murid membuat perkara seperti portfolio (kerja kursus), pameran serta persembahan lisan yang menuntut murid untuk bekerja secara berkumpulan.

Pentaksiran berbentuk peperiksaan juga mewujudkan budaya mengingat dan menghafal fakta dalam kalangan murid agar mereka dapat menjawab soalan yang dikemukakan didalam peperiksaan. Kenyataan ini disokong oleh Simonson, Smaldino, Albright & Zvacek (2000, didalam Dikli 2003), yang menyatakan bahawa

“pentaksiran tradisional seperti ujian aneka pilihan sering memberi tumpuan kepada kemampuan hafalan, di mana melibatkan tahap kemahiran kognitif yang lebih rendah dan kemahiran berfikir aras tinggi seperti menganalisis serta mensintesis adalah sukar untuk dihasilkan”. (m.s 13).

Selain itu, menurut Mladenovic (2000), sistem pendidikan yang lebih menekankan kepada pencapaian akademik secara tidak langsung telah menyebabkan golongan pendidik memilih kaedah pengajaran berpusatkan guru dalam proses menyampaikan isi kandungan pelajaran dan meliputi sukanan pelajaran untuk memenuhi keperluan peperiksaan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Norasmah (2002), diantara faktor yang mempengaruhi keberkesanan sesuatu program atau kursus adalah kaedah pengajaran yang digunakan. Dapatan kajian ini disokong dengan pendapat yang diutarakan oleh Foster (1995) dan Gabin (2002) yang menyatakan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang terlalu berpusatkan guru gagal dalam melatih kemahiran utama murid atau pelajar seperti kemahiran berfikir, menyelesaikan masalah dan kemahiran berkomunikasi.

Disamping itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nik Azis (1996) beliau turut menyatakan bahawa pengajaran yang berpusatkan guru tidak dapat melahirkan individu yang mempunyai tahap berfikir yang cemerlang, berinteraksi serta berdaya kreatif yang mantap dan produktif. Perkara ini dapat dilihat apabila guru mengajar secara kuliah dengan memberikan nota dan contoh yang penting di papan putih dan pelajar pula hanya perlu memberi perhatian terhadap penyampaian guru secara melihat, mendengar dan menyalin nota sahaja sekiranya perlu. Hal demikian menyebabkan pelajar hanya berbincang dengan guru apabila disoal dan semasa

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
membuat latihan sahaja. Oleh itu, keadaan sebegini akan mengakibatkan murid menerima maklumat secara pasif.

Tambahan lagi, Bork (2002), berpendapat bahawa kaedah pengajaran tradisional menggunakan strategi pengajaran yang berbentuk sehala di mana guru lebih banyak menggunakan pendekatan verbal yang meminta murid mengulangi semula apa yang telah dinyatakan atau diajar oleh guru di dalam kelas. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada sesetengah murid malahan juga menjadi penghalang kepada sesetengah murid lain yang mempunyai tahap pemikiran dan kefahaman yang berbeza.

1.3 Pernyataan Masalah

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Mulai tahun 2010, satu transformasi pendidikan telah dilaksanakan bagi menggantikan sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan kepada sistem penilaian pelajar berasaskan sekolah atau lebih dikenali sebagai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Transformasi ini telah memberi impak yang besar terutamanya dalam kalangan guru. Transformasi yang dilakukan ini bertujuan untuk memastikan sistem pendidikan negara berada sebaris dengan sistem pendidikan di luar negara.

Namun begitu, kebanyakkan transformasi yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara berakhir dengan kegagalan. Menurut Cheng (2009), disebabkan tiada pemantauan yang diselaraskan dengan transformasi yang dilaksanakan, banyak transformasi pendidikan gagal dilaksanakan diperingkat sekolah. Tambah beliau lagi,

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi perkara utama yang dilihat menyebabkan perkara tersebut berlaku adalah berpunca daripada pelaksana itu sendiri iaitu guru yang terlibat.

Menurut Roggers (2001, didalam Nor Shuhadah, 2013), terdapat segelintir individu yang dapat menerima perubahan dengan cepat. Namun, kebanyakannya memerlukan masa untuk menerima perubahan tersebut. Menurut Davidson (2007), terdapat ramai guru yang bersetuju untuk melakukan perubahan dan pembaharuan dalam penilaian pembelajaran melalui PBS. Namun begitu, mereka merasa sangat sukar untuk membebaskan diri mereka daripada konsep penilaian yang sedia ada.

Berdasarkan kajian berkaitan PBS yang telah dijalankan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia pada tahun 2012 secara atas talian, keputusan menunjukkan 90% guru Tahun 1, 2, dan 3 serta 83% guru Tingkatan 1 masih tidak jelas tentang konsep pentaksiran (LPM 2012). Menurut Stiggin (2005), guru-guru berpendapat bahawa proses pentaksiran dilakukan selepas aktiviti pengajaran berlangsung sedangkan pentaksiran sebenarnya boleh dilakukan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berjalan.

Menurut Fakhri dan Mohd Isha (2016), guru-guru juga masih tidak yakin dalam amalan pentaksiran murid walaupun mereka telah mengikuti kursus Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Hal ini demikian kerana, guru-guru merasakan bahawa mereka masih lagi kekurangan ilmu pengetahuan berkaitan PBS, kemahiran dan sumber material bagi menjalankan aktiviti pentaksiran. Keadaan diburukkan lagi apabila terdapat segelintir ibu bapa yang mempertikaikan cara guru membuat pentaksiran ke atas anak-anak mereka. Keyakinan guru semakin terjejas dalam proses pentaksiran ini akibat campur tangan daripada pihak ibu bapa.

Menurut Radin (2008), bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, guru-guru mengimpikan latihan yang profesional dalam pentaksiran supaya mereka dapat melaksanakan PBS dengan jayanya. Guru-guru mahu mereka dibekalkan dengan sumber material yang mampu membantu mereka dalam melaksanakan aktiviti pentaksiran seperti Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM), Manual Pentaksiran, contoh instrumen, contoh pemarkahan dan sebagainya. Dalam masa yang sama, bengkel dan latihan juga sangat penting bagi menambahkan kemahiran dan keyakinan kepada guru untuk mereka bentuk dan melaksanakan PBS.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Radin (2008); Tan (2010); Salmiah, Ramiah, Ab. Rahim & Abdullah (2011); Zamri & Nor Razah (2011) mendapati guru-guru masih kabur dan tidak mahir terutamanya dalam teknik-teknik penilaian PBS. Menurut Arsaythamby, Hariharan & Ruzlan (2015), guru-guru masih tidak jelas dalam pelbagai aspek pentaksiran seperti tujuan, masa pelaksanaan, teknik melaksana, membuat pemerhatian, mengumpul, merekod, mentaksir dan menggunakan maklumat pentaksiran untuk membuat keputusan berkaitan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam proses pelaksanaan PBS.

Di samping itu, ketidaksungguhan guru dalam menjalankan aktiviti pentaksiran akan menjelaskan sistem penilaian PBS tersebut. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Tan Ai Mei (2010), pemantauan yang kurang telah menyebabkan guru-guru tidak bersungguh dan leka dalam melaksanakan aktiviti pentaksiran. Selain itu, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Chan (2009), mendapati 25% guru menyatakan bahawa guru senior tidak memberikan kerjasama dalam pelaksanaan PBS. Pihak pentadbir juga tidak memantau dan tidak menghiraukan pelaksanaan PBS kerana mereka hanya mahukan keputusan semata-

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi
mata. Perkara ini sangat membimbangkan kerana kemungkinan berlaku ketidakadilan, ketelusan dan keseragaman dalam aktiviti pentaksiran terhadap murid. Hal ini kerana pelaksanaan PBS hanya sekadar memenuhi keperluan mengisi markah sahaja.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi meneliti tahap pengetahuan guru sekolah rendah di Daerah Hulu Terengganu terhadap PBS. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap sokongan dan kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah bagi menjalankan aktiviti pentaksiran. Tambahan lagi, kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap amalan guru terhadap penilaian PBS. Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk melihat adakah faktor-faktor seperti kelayakan akademik, pengalaman mengajar, tahap pengetahuan serta tahap sokongan dan kelengkapan mempengaruhi tahap amalan PBS dalam kalangan guru sekolah rendah Daerah Hulu Terengganu.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru sekolah rendah terhadap PBS
- ii. Mengenal pasti tahap sokongan dan kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah untuk menjalankan PBS
- iii. Mengenal pasti tahap amalan guru sekolah rendah dalam pelaksanaan PBS
- iv. Mengenal pasti perbezaan tahap amalan PBS berdasarkan kelayakan akademik
- v. Mengenal pasti perbezaan tahap amalan PBS berdasarkan pengalaman

vi. Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan guru dengan tahap amalan PBS

- vii. Mengenal pasti hubungan antara tahap sokongan dan kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah dengan tahap amalan PBS

1.5 Soalan Kajian

- i. Apakah tahap pengetahuan guru sekolah rendah terhadap PBS?
- ii. Apakah tahap sokongan dan kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah untuk menjalankan PBS?
- iii. Apakah tahap amalan guru sekolah rendah dalam pelaksanaan PBS?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan PBS berdasarkan kelayakan akademik?
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan PBS berdasarkan pengalaman mengajar?
- vi. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru dengan tahap amalan PBS?
- vii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sokongan dan kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah dengan tahap amalan PBS?

 1.6

Hipotesis Kajian



05-4506832
pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

- i. Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan PBS berdasarkan kelayakan akademik
- ii. Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan PBS berdasarkan pengalaman mengajar
- iii. Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan PBS
- iv. Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sokongan dan kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah dengan tahap amalan PBS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kerangka Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Rajah 1.1 Kerangka kajian pelaksanaan PBS dalam kalangan guru sekolah rendah di Daerah Hulu Terengganu

Kerangka kajian ini dibina berdasarkan objektif serta soalan kajian. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan diantara tahap pengetahuan, tahap sokongan dan kelengkapan dengan tahap amalan PBS dalam kalangan guru sekolah rendah di Daerah Hulu Terengganu. Dalam masa yang sama, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor perbezaan demografi seperti kelayakan akademik dan pengalaman mengajar terhadap tahap amalan PBS.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

 05-4506832
1.8 Skop Kajian

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk menjalankan kajian terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ke atas guru-guru sekolah rendah di daerah Hulu Terengganu. Terdapat tiga perkara utama yang akan dikaji dalam penyelidikan ini. Pertama adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru sekolah rendah terhadap PBS. Kedua, untuk mengenal pasti tahap sokongan dan kelengkapan yang disediakan di sekolah untuk menjalankan aktiviti penilaian PBS dan yang ketiga adalah untuk mengenal pasti tahap amalan PBS yang dilaksanakan oleh guru-guru yang terlibat dengan kajian ini.

 05-4506832
1.9 Kepentingan Kajian

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.9.1 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Kajian ini dijalankan agar dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) khususnya kepada pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) untuk mendapatkan makluman mengenai tahap pengetahuan, tahap sokongan dan kelengkapan serta tahap amalan PBS dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di Daerah Hulu Terengganu.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.9.2 Pihak Pentadbir

Kajian ini dijalankan supaya dapat mendorong pihak pentadbir sekolah-sekolah yang terlibat dalam menyokong dasar-dasar yang telah diperkenalkan oleh KPM dan menjalankan pemantauan pelaksanaan PBS dari semasa ke semasa. Di samping itu juga, diharapkan pihak sekolah dapat mengenal pasti masalah-masalah yang timbul sepanjang proses PBS dijalankan dan mengatasi masalah yang dihadapi tersebut.

1.9.3 Guru-guru

Kajian ini dijalankan agar dapat membantu guru-guru supaya mereka dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan ilmu pentaksiran yang mereka ada dalam proses pelaksanaan PBS seterusnya dapat membentuk kemenjadian murid sejajar dengan matlamat PBS yang ingin melahirkan modal insan yang cemerlang dalam kalangan murid. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada guru berkaitan tahap pengetahuan mereka terhadap PBS.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan guru-guru di 12 buah sekolah di Daerah Hulu Terengganu daripada 49 buah sekolah secara keseluruhannya. Sekolah-sekolah tersebut telah dicadangkan oleh pegawai unit peperiksaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hulu Terengganu yang telah bertanggungjawab menguruskan PBS di Daerah Hulu Terengganu.

1.11 Definisi Istilah

1.11.1 Pentaksiran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Menurut Adimin (2011), pentaksiran atau *assessment* adalah berasal daripada perkataan Greek iaitu “Assidere” yang membawa maksud “duduk disisi”. Pentaksiran merujuk kepada satu proses membuat pertimbangan berkaitan hasil daripada sesuatu proses pendidikan. Dalam konteks pendidikan pula, pentaksiran merupakan satu kesinambungan dalam proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti mengumpul, merekod, memberi skor, menghurai dan menginterpretasi maklumat tentang pembelajaran seorang murid bagi sesuatu tujuan.

Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) (2000), pentaksiran diuraikan sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran dan aktiviti pentaksiran yang dijalankan secara berterusan. David Lambert dan David Lines (2000), menghuraikan pentaksiran sebagai satu proses pengumpulan, merekod, menterjemah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Selain itu, menurut Gearheart (1990), pentaksiran merupakan proses pengumpulan dan menterjemah secara saintifik tentang sesuatu maklumat yang luas berdasarkan keputusan intervensi dan apabila bersesuaian, keputusan di tempatkan dan cadangan penempatan.

Menurut Salvia, Yseldyke dan Bolt (2010), pentaksiran didefinisikan sebagai proses pengumpulan data dengan tujuan untuk mengenal pasti dan mengesan masalah pelajar serta untuk membuat keputusan. Manakala, Noraini Idris (2008) menyatakan pentaksiran dirancang dan dikendalikan oleh guru dan menjadi sebahagian daripada proses pengajaran yang diharapkan dapat memperbaiki proses pembelajaran pelajar. Pentaksiran dijalankan secara berterusan adalah bersifat formatif dimana melibatkan guru sepenuhnya dan memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan penguasaan mereka dalam kemahiran yang dipelajari yang tidak boleh ditaksir melalui ujian bertulis.

Manakala, menurut Dunn (1991, didalam Nor Azizah 2013), pentaksiran merupakan satu proses pengumpulan maklumat oleh guru tentang pelajarnya dan oleh pelajar sendiri berkaitan kemajuan mereka. Di samping itu, Noraini Idris (2008), menyatakan bahawa pentaksiran perlu dirancang dan dikendalikan oleh guru dan ia menjadi sebahagian daripada proses pengajaran yang diharapkan dapat memperbaiki proses pembelajaran pelajar.

Dalam konteks kajian ini, terma pentaksiran merujuk kepada proses Pentaksiran Berasaskan Sekolah oleh guru ke atas murid secara berterusan di sekolah rendah Daerah Hulu Terengganu.

1.11.2 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Ianya dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh LPM. PBS merupakan satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses PdPc. Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisma penyelarasan dan pemantauan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah.

PBS merupakan satu transformasi dalam sistem penilaian pendidikan di Malaysia yang sedang giat dijalankan di sekolah rendah. Menurut Ahmad (2010), PBS dirancang dan dilaksanakan oleh guru secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran harian secara menyeluruh dan bersepada dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. PBS mentaksir empat komponen iaitu Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPSi). Keempat-empat komponen ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah.

Dalam konteks kajian ini, terma PBS merujuk kepada pentaksiran yang telah ditetapkan oleh LPM. Komponen pentaksiran ditadbir oleh pihak pentadbir sekolah rendah di Daerah Hulu Terengganu dan pentaksiran dilaksanakan oleh guru-guru sekolah rendah Daerah Hulu Terengganu.

1.11.3 Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab dalam mengendalikan ujian awam kebangsaan di Malaysia. LPM merupakan satu-satunya badan peperiksaan berpusat secara serentak yang berlandaskan kurikulum kebangsaan untuk 1.5 juta calon.

LPM juga adalah badan peperiksaan yang pertama di Asia Tenggara yang menggunakan teknologi komputer dalam urusan pemprosesan data pada tahun 1967. LPM kini bertanggungjawab membina, mengeluarkan dan mengendalikan empat peperiksaan pusat (UPSR, PT3, SPM dan STAM), berbagai-bagai pentaksiran sekolah dan peperiksaan luar Negara. Dalam konteks kajian ini, terma LPM merujuk kepada badan yang bertanggungjawab memperkenalkan dan merancang PBS.

1.11.4 Pengetahuan

Menurut Steve Denning (2008, didalam Nor Azizah 2013), pengetahuan merupakan kondisi atau fakta mengetahui sesuatu melalui pengalaman dan hubungan. Menurut beliau lagi, terdapat berbagai definisi berkaitan dengan pengetahuan. Antara yang sering digunakan adalah pengetahuan merujuk sesuatu idea atau pemahaman yang berkeupayaan mengambil peranan dalam sesuatu tindakan bagi menjayakan sesuatu matlamat. Selain itu, Chabris (1983, didalam Nor Azizah 2013), menerangkan pengetahuan merujuk kepada sebarang maklumat yang berguna bagi setiap tugas yang dilakukan.

Manakala, menurut Bench-Capon (1990), pengetahuan adalah penggabungan sintatik dan semantik yang boleh digunakan untuk menerangkan sesuatu. Seterusnya, Nonaka (2006) menyatakan pengetahuan merujuk proses manusia yang dinamik dalam menetapkan kepercayaan diri ke arah kebenaran. Beliau juga menjelaskan pengetahuan terbahagi kepada dua iaitu pengetahuan Tacit dimana pengetahuan tersebut bersifat subjektif dan pengetahuan Eksplisit iaitu pengetahuan yang bersifat objektif.

Dalam konteks kajian ini, terma pengetahuan merujuk kepada kefahaman dan maklumat yang ada pada guru di sekolah rendah Daerah Hulu Terengganu tentang konstruk yang terkandung di dalam PBS.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Kedua, sokongan didefinisikan sebagai apa-apa bentuk yang diberikan sebagai bantuan atau pertolongan. Dalam konteks kajian ini, terma sokongan merujuk kepada bantuan atau pertolongan yang diberikan oleh pihak sekolah di Daerah Hulu Terengganu kepada guru seperti bengkel atau taklimat PBS. Selain itu, bentuk bantuan dalam konteks kajian ini juga merujuk kepada pemantauan yang berterusan oleh pihak pentadbir sekolah keatas guru bagi menjalankan aktiviti penilaian PBS.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi

1.11.6 Kelengkapan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Kedua, kelengkapan didefinisikan sebagai sesuatu keadaan atau hal yang lengkap. Selain itu, ia juga membawa maksud sesuatu yang sudah dilengkappkan atau yang disediakan.

Dalam konteks kajian ini, terma kelengkapan merujuk kepada persekitaran atau kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah di Daerah Hulu Terengganu seperti persekitaran bilik darjah abad ke-21, kemudahan internet dan kemudahan bilik untuk menguruskan fail evidens pelajar bagi membantu guru-guru untuk menjalankan pelaksanaan PBS dengan lebih lancar dan berkesan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi

1.11.7 Amalan

Menurut Nor Azizah (2013), amalan merujuk kepada satu kaedah atau teknik yang dapat menunjukkan keputusan secara konsisten dalam mencapai sesuatu matlamat. Di samping itu, beliau juga menyatakan bahawa amalan boleh dijadikan sebagai penanda aras dalam pelaksanaan sesuatu pekerjaan.

Dalam konteks kajian ini, terma amalan merujuk kepada kaedah atau teknik yang digunakan oleh guru-guru sekolah rendah di Daerah Hulu Terengganu dalam mencapai matlamat Pentaksiran Berasaskan Sekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi

Menurut Rashid, Lee, Mahayudin dan Noordin (2012) menyatakan bahawa guru adalah golongan yang berperanan memberi ajaran dan bimbingan kepada golongan yang perlu diajar dan dididik. Guru merupakan golongan yang memiliki ilmu dan kemahiran serta diberi tanggungjawab untuk menyampaikan ilmu dan pendidikan kepada masyarakat. Dalam konteks kajian ini, terma guru merujuk kepada guru-guru di sekolah rendah Daerah Hulu Terengganu

1.12 Rumusan

Kesimpulannya, dalam Bab Satu ini menghuraikan perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Untuk memastikan proses kajian ini berjalan lancar, kajian dimulakan dengan mengenalpasti masalah-masalah yang terlibat dengan tajuk kajian, menetapkan persoalan dan objektif kajian, serta membina hipotesis berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Skop kajian juga telah ditetapkan agar pengkaji lebih jelas dengan perkara yang ingin dikaji dan tidak tersasar daripada objektif kajian yang ingin dicapai. Selain itu, penggunaan definisi istilah yang bermakna dapat membantu pengkaji memahami tajuk kajian dengan lebih mendalam serta melancarkan proses kajian.